

03 JAN 2000

Umno-reaksi

CADANGAN MT MENGENAI PENCALONAN DR MAHATHIR, ABDULLAH DISAMBUT BAIK

JOHOR BAHRU, 3 Jan (Bernama) -- Cadangan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan sebagai presiden dan timbalan presiden disambut baik oleh pemimpin Umno Johor.

Mereka yang dihubungi menyifatkan cadangan itu sebagai tepat demi untuk memperkukuhkan perpaduan.

Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Zainal Abidin Mohamed Zin berkata cadangan itu mampu mengurangkan masalah berpuak-puak dalam parti yang biasanya wujud sewaktu pemilihan parti.

"Daripada segi kepentingan parti, ia tidak membawa untung sekiranya perpecahan berlaku di kalangan orang Umno sendiri," kata Zainal Abidin, yang juga Ketua Umno Bahagian Batu Pahat.

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Tanjung Puteri, Mohamad bin Kasbi pula berkata jika kedua-dua jawatan tertinggi itu tidak ditandingi, amalan melobi dan politik wang tidak akan berlaku.

"Selepas kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 29 Nov lepas, kedua-dua pemimpin itu merupakan calon paling sesuai untuk dua jawatan tertinggi parti," kata Mohamad, yang juga ahli jawatankuasa Umno Bahagian Johor Baharu.

Beliau juga berharap agar pertandingan di kalangan Pemuda dan Wanita akan berjalan lancar demi kesejahteraan parti.

Ketua Umno Bahagian Gelang Patah Baharom Ghani berkata kepimpinan Dr Mahathir masih diperlukan oleh negara.

"Kemampuan dan kebolehan beliau sejak menjadi Perdana Menteri telah membawa negara ke era pembangunan dan kemajuan," katanya.

Baharom juga berkata Dr Mahathir dan Abdullah mampu untuk bekerjasama demi kepentingan dan perpaduan parti di masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita dan Kesihatan Negeri Halimah Sadique berkata cadangan agar kedua-dua pemimpin itu tidak ditentang pada perhimpunan agung parti amat tepat.

"Selepas pilihan raya umum, banyak kerja yang perlu dijalankan dan oleh itu biarlah kedua-dua pemimpin itu terus memegang jawatan mereka dan menyelesaikan kerja pengukuhan parti," katanya.

Katanya, Dr Mahathir dan Abdullah sudah tentu mempunyai perancangan sendiri mengenai masa depan bangsa Melayu dan kedudukan Umno pada alaf baru ini.

-- BERNAMA

RAM MAI